

SOALAN NO: 546

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT
JAWAPAN OLEH YB DATUK SERI DR. S. SUBRAMANIAM
MENTERI KESIHATAN MALAYSIA**

**PERTANYAAN : BUKAN LISAN
DARIPADA : YB TUAN MANIVANNAN A/L GOWINDASAMY
[KAPAR]
TARIKH :
SOALAN : 546**

YB Tuan Manivannan A/L Gowindasamy [Kapar] minta MENTERI KESIHATAN menyatakan:-

- a) sejauh manakah hasil kempen Kerajaan Persekutuan dalam membendung gejala merokok dan adakah Kerajaan Persekutuan bercadang untuk meningkatkan had umur membeli dan menjual rokok kepada 21 tahun.
- b) sejauh manakah hasil kempen Kerajaan Persekutuan dalam membendung gejala arak murahan dan adakah Kerajaan Persekutuan bercadang untuk mengetatkan semua peruntukan undang-undang yang sedia ada yang berkaitan dengan membeli dan menjual arak

Tuan Yang Di Pertua,

Tinjauan Kesihatan dan Morbiditi Kebangsaan menunjukkan sedikit penurunan prevalen merokok daripada 23.1% pada 2011 kepada 22.8% pada tahun 2015. Kementerian Kesihatan Malaysia (KKM) telah membangunkan Pelan Strategik Kebangsaan bagi Kawalan Tembakau 2015-2020 yang berlandaskan prinsip-prinsip WHO *Framework Convention on Tobacco Control* (FCTC), untuk mencapai objektif penurunan prevalen merokok kepada 15% pada tahun 2025 dan 5% menjelang 2045. Pelbagai program dan aktiviti kawalan tembakau sedang dijalankan dan dipertingkatkan merangkumi aktiviti pencegahan dan rawatan. Program-program pencegahan telah dibangunkan mengikut kumpulan sasaran, bermula dari pra-sekolah, sekolah, institusi pengajian tinggi dan untuk masyarakat umum. Program rawatan juga telah dipertingkatkan menerusi pengukuhan program mQuit, yang melibatkan kerjasama pihak kerajaan dan pihak swasta.

Kementerian Kesihatan Malaysia (KKM) mengemukakan cadangan untuk menaikkan had umur membeli, mengguna, memiliki serta menjual rokok, daripada 18 kepada 21 tahun menerusi Rang Undang-Undang Kawalan Hasil Tembakau dan Merokok. Rang Undang-Undang ini adalah di dalam proses semakan perundangan dan dijangka akan dibentangkan di Parlimen dalam tempoh dua tahun ini. Cadangan adalah berasaskan kepada perkembangan otak yang masih menjalani proses kematangan sehingga umur 20-an. Peningkatan had umur merokok kepada 21 tahun dijangka dapat membantu generasi muda Malaysia menghindari ketagihan nikotin yang memudaratkan.

Tuan Yang di-Pertua,

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, Kerajaan sentiasa dari semasa ke semasa mengambil pelbagai inisiatif dalam membendung pengeluaran dan penjualan arak murahan.

1) Antara langkah-langkah yang telah diambil dalam membendung gejala arak murahan melalui peruntukan undang-undang adalah:

- i. Membekukan pengeluaran lesen di bawah Seksyen 20 Akta Eksais 1976 sejak tahun 2006 supaya tiada peningkatan bilangan pengilang minuman keras dalam negara. Pengilangan arak secara haram (tanpa lesen) boleh diambil tindakan oleh Jabatan Kastam Diraja Malaysia (JKDM) di bawah Akta yang sama.
- ii. Menetapkan syarat kepada standard pelabelan dan pembungkusan arak, larangan penjualan kepada mana-mana orang yang di bawah umur 18 tahun dan juga larangan mempamerkan bagi jualan apa-apa minuman beralkohol bersama dengan makanan lain seperti yang diperuntukkan di bawah Peraturan-Peraturan Makanan 1985, Akta Makanan 1983.

- iii. Kawalan aktiviti penjualan dan pengedaran minuman keras melalui pengeluaran lesen oleh Lembaga Pelesen bagi setiap kawasan Pihak Berkuasa Tempatan seperti yang termaktub di bawah Seksyen 35 Akta Eksais 1976.
- iv. Larangan penyiaran iklan minuman keras di dalam siaran televisyen Kerajaan dan swasta melalui Garis Panduan Penapisan Filem 1996.

2) Tindakan penguatkuasaan secara berterusan juga dilaksanakan bagi membendung penjualan arak haram, sama ada arak yang diseludup mahupun arak tempatan yang dikilang secara haram. Antara tindakan penguatkuasaan yang telah diambil oleh JKDM termasuklah mengadakan Operasi Outlet dan Ops Pacak bagi menyekat dan membendung aktiviti penyeludupan dan penjualan minuman keras secara tidak sah melalui kerjasama erat dengan agensi-agensi penguatkuasaan lain untuk menjalankan operasi-operasi penguatkuasaan bersepadu.